

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 29 FEBRUARI 2024
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 17

Nasionalkan agenda bumiputera

Nasionalkan agenda bumiputera



BICARA AWAM

WONG CHIN HUAT

Kongres Ekonomi Bumiputera (KEB) 2024 amat berlainan dengan kongres sebelumnya dalam penglibatan kumpulan bukan bumiputera seperti dewan-dewan perniagaan Cina dan India.

Pendekatan dianjurkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim itu adalah satu anjakan paradigma cukup besar kerana dalam pemikiran kebanyakan rakyat Malaysia, bukan saja orang Melayu – “cuma orang kita akan bantu kita.”

Jika urusan sesuatu kaum itu melibatkan pelaku daripada kaum lain, maka pelaku-laku luar itu mungkin akan mengambil kesempatan atau mensabotaj kaum yang menjemput mereka.

Paradigma itu bahawa kita hanya boleh bergantung kepada orang sendiri mempunyai tiga elemen. Pertama,

tanggapan bahawa kepentingan antara kaum adalah pada hakikatnya bertentangan atau bersifat ‘jumlah sifar’ (*zero sum*) laju kalau satu pihak untung, pihak lain pasti akan rugi. Keadaan ‘jumlah positif’ (*positive sum*) atau ‘menang-menang’ (*win-win*) adalah cerita palsu yang cuba melemahkan pertahanan kita.

Kedua, tanggapan bahawa setiap individu daripada ‘kaum lain’ akan sentiasa mendukung kepentingan kaumnya dan tidak mempunyai kepentingan individu. Maksudnya, dalam apa keadaan pun, seseorang daripada ‘kaum lain’ tidak akan memperjuangkan kebaikan untuk ‘kaum kita’, tidak kira apa insentif diberikan.

Ketiga, tanggapan bahawa ancaman terbesar ‘kaum kita’ ialah terdapat individu yang tidak sentiasa mendukung kepentingan kaum sendiri kerana mempunyai kepentingan individu. Jika ada individu dalam ‘kaum kita’ membincangkan kerjasama antara kaum, mereka sama ada terpedaya atau sudah menggadai kepentingan kaum demi kepentingan sendiri.

Elemen kedua dan ketiga sebenarnya berkaitan perkara sama – natru dan tingkah laku manusia – tetapi lain sekali un-

tuk ‘kaum lain’ dan ‘kaum kita’. Tanggapan yang cukup bertentangan itu datang daripada keinginan untuk ‘kaum kita’ sentiasa terjaga dan tidak percayaan ‘kaum lain’.

Maka, penglibatan golongan bukan bumiputera bagi menjayakan perjuangan KEB kali ini membawa dua implikasi besar. Pertama, kita sebagai anak Malaysia ada kepentingan bersama, bagaikan aur dengan tebing, sekalipun kita lain kaum, lain agama dan lain bahasa, ia bukan sahaja kerana kita menghadapi banyak cabaran sama, daripada rasuah dalam sehingga pemanasan sejagat.

Lebih penting, suka tak suka jika bumiputera tetap mundur, maka campur tangan kerajaan dalam ekonomi yang tidak disukai komuniti bukan bumiputera akan berkekalan. Bagi menggalakkan persaingan dan kebolehsaingan kita di peringkat antarabangsa, kemajuan komuniti bumiputera menjadi prasyarat.

Dengan penglibatan golongan bukan bumiputera, Perdana Menteri sebenarnya menyampaikan pesanan bahawa agenda bumiputera itu perlu dilihat sebagai keutamaan nasional sekalipun oleh bukan bumiputera.

Kedua, kerjasama antara kaum boleh

berlaku sekiranya diberikan insentif berkesan. Dengan insentif yang berkesan, orang asing boleh menjadi rakan terbaik kita. Dengan insentif yang *kounterproduktif*, saudara pun boleh jadi musuh.

Dengan merundingkan insentif antara komuniti dan individu secara rasional, dan bukan menghakimi orang lain berdasarkan identiti seperti kaum, agama, bahasa, wilayah serta gaya hidup, kita berupaya membina masyarakat lebih maju, harmoni dan menguntungkan setiap komuniti.

Apabila kita tidak bergantung semata-mata kepada ‘orang sendiri’ kerana takutkan ‘orang lain’, kita ada lebih pilihan. Apabila kita tidak terkurung oleh politik kaum, ‘orang sendiri’ tidak akan berani menjadi pegar yang akan padi.

*Nangka mentah jangan dibedah,
Durian mentah jangan digalah,
Betul insentif kerjasama mudah,
Beza kaum bukan masalah.*

* Profesor Wong Chin Huat ialah Timbalan Ketua (Strategi), Pejabat Asia, Rangkaian Penyelesaian Pembangunan Mampan PBB (SDSN-Asia) di Universiti Sunway